

03 APR, 2026

Loji WTE solusi krisis tenaga

Sinar Harian, Malaysia



Loji WTE solusi krisis tenaga



Ab Rauf (tengah) dan Kor Ming (dua dari kiri) pada majlis pecah tanah loji WTE Sungai Udang pada Khamis.

MELAKA - Pembinaan loji memproses sisa pepejal kepada tenaga atau *Waste to Energy* (WTE) mampu membantu sistem penjanaan tenaga baharu negara dalam menangani krisis tenaga.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Nga Kor Ming berkata, konflik yang berlaku di Asia Barat memberi kesan rantaian besar kepada pasaran tenaga global, justeru pendekatan WTE mampu mengurangkan kebergantungan terhadap bahan api fosil.

Menurutnya, penggunaan sisa pepejal sebagai sumber tenaga boleh diperbaharui adalah selari dengan usaha kerajaan memperkukuh sumber alternatif seperti hidro dan solar.

"Ketika dunia berdepan krisis tenaga, penggunaan sampah untuk menjana tenaga bukan sahaja mengurangkan kebergantungan kepada bahan api fosil, malah menyokong pembangunan sumber tenaga boleh baharu.

"Inisiatif ini seiring dengan aspirasi Malaysia Madani dalam memastikan pembangunan

mampan serta pengurusan sisa yang lebih efisien," katanya pada Majlis Pecah Tanah WTE Sungai Udang di sini pada Khamis.

Turut hadir Ketua Menteri Melaka, Ab Rauf Yusoh.

Beliau berkata, kerajaan memperkenalkan dua dasar utama iaitu *trash to cash* dan *waste to energy* bagi mengubah persepsi terhadap sisa pepejal daripada beban kepada sumber bernilai.

"Dahulu sampah hanya dilupuskan, kini ia boleh dijana menjadi tenaga. Ini merupakan satu inovasi besar dalam sistem pengurusan sisa negara.

"Kerajaan merancang membangunkan sehingga 18 loji WTE di seluruh negara bagi memastikan sisa pepejal dapat dikitar semula dan dimanfaatkan sebagai sumber tenaga boleh diperbaharui," katanya.

Sementara itu, Ab Rauf berkata, projek Loji WTE Sungai Udang merupakan projek kedua dalam negara selepas Ladang Tanah Merah, Negeri Sembilan dan dijangka dapat menyelesaikan isu pengurusan sampah di negeri itu.